

Krisis politik Kelantan

Laporan kepada Hussein

BH - 8 OKT 1977

KUALA LUMPUR, Jumaat — UMNO sendiri akan membuat satu laporan mengenai pergolakan politik di Kelantan untuk disampaikan kepada Presidennya, Datuk Hussein Onn, demikian dinyatakan oleh Pemangku Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Bagaimanapun, kata beliau, dalam perkara itu, UMNO sendiri terpaksa membuat laporan untuk disampaikan kepada Presidennya, Datuk Hussein Onn sekembalinya beliau dari lawatan ke luar negeri.

"Sama ada dia hendak bertindak sebagai Ketua Barisan Nasional dalam masalah itu, terpulanglah kepadanya," kata Dato Seri Dr. Mahathir.

Katanya lagi, "Kita cuma bertanggungjawab memberitahu kepadanya mengenai pergolakan itu dan lain-lain perkara yang berlaku di negara ini semasa beliau berada di luar negeri."

Ditanya pendapatnya

Katanya, siri kursus penerangan itu diadakan adalah sebagai persiapan UMNO untuk menemui dan berhadapan dengan rakyat sepanjang masa.

Menurutnya lagi, kursus seumpama itu mungkin akan diadakan di peringkat negeri.

Katanya, terpulanglah kepada Datuk Hussein untuk bertindak sebagai Ketua Barisan Nasional dalam masalah itu.

Beliau menegaskan, Datuk Hussein sahaja selaku Pengerusi Barisan Nasional yang boleh menentukan kedudukan Datuk Haji Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Barisan Nasional atau tidak.

Dato Seri Dr. Mahathir menyatakan demikian kepada para pemberita selepas mengpekerusikan perjumpaan sehari dengan kira-kira 30 orang Pegawai Penerangan UMNO, di Ibu pejabat UMNO Malaysia, di sini lewat petang ini.

Beliau menyatakan, perjumpaan itu tidak ada kena mengena dengan sebarang pergolakan politik di negara ini sekarang.

"Ia adalah sebahagian dari siri kursus untuk para Pegawai Penerangan UMNO seperti yang pernah diadakan di Pulau Pinang dahulu," ujarnya.

Ditanya, adakah soal pergolakan politik di Kelantan dibincangkan dalam perjumpaan itu, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, "Kita tidak berbincang khusus mengenai perkara itu, cuma mendengar pandangan yang meliputi berbagai perkara kepentingan parti dan negara."

mengenai kedudukan Datuk Haji Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, "Datuk Hussein sahaja selaku Pengerusi Barisan Nasional yang boleh menentukan kedudukan Datuk Haji Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Barisan Nasional atau tidak."

Mengenai tugas-tugas para Pegawai Penerangan UMNO, beliau memberitahu bahawa parti akan menyusun semula strategi penerangannya supaya segala penerangan yang disampaikan kepada rakyat dalam sebarang aspek tidak bercangah.

"Kita mahu tentukan supaya semua penerangan yang disampaikan oleh Pegawai-pegawai Penerangan UMNO tidak bercangah antara satu sama lain," ujarnya.

Tegasnya, UMNO akan menggunakan cara baru dalam penyampaian penerangannya sesuai dengan pemikiran dan kehendak jenerasi sekarang.

Kepada satu pertanyaan lain, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, UMNO sentiasa bersedia sepanjang masa untuk menghadapi pilihanraya.